

# Hukuman lebih berat pencetus ketegangan kaum

**Datuk  
Dr Roslan  
Mahmood**



*Ketua Kluster Pembangunan  
Kepakaran, Institut Tadbiran  
Awam Negara (INTAN)*

Pada 2019, Global Peace Index yang diterbitkan The Institute for Economics and Peace menyenaraikan Malaysia di kedudukan ke-16 berbanding 163 negara dalam senarai negara paling aman di dunia.

*World Happiness Report 2020* yang diterbitkan Sustainable Development Solutions Network pula meletakkan Malaysia di kedudukan ke-82 berbanding 153 negara dalam senarai negara paling bahagia di dunia.

Pengukuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional pada 2018 melalui instrumen Petunjuk Ketegangan Masyarakat (PKM) untuk melihat tahap ketegangan masyarakat mendapati nilai PKM ialah 11.6 kes per sejuta penduduk berbanding paras ditetapkan, iaitu 18 kes per sejuta

penduduk. Ini menunjukkan tahap ketegangan masyarakat di negara ini stabil dan terkawal.

Walaupun petunjuk itu menunjukkan perpaduan masih utuh, terdapat beberapa tindakan dilakukan pihak tertentu boleh menjejaskan perpaduan. Antaranya, mempertikai kontrak sosial termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan seperti hak keistimewaan Melayu dan Bumiputera, kedaulatan Raja-Raja Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kewarganegaraan serta sistem kuota.

Selanjutnya ada pihak memutarbelitkan fakta dan bukti sejarah mengenai asal-usul sesuatu bangsa, membuat provokasi dan memperlekeh sesuatu kaum, menghina serta menganggu aman penganut sesuatu agama, mencipta dan menyebarkan berita palsu.

Sejarah menunjukkan keruntuhan Yugoslavia kepada enam republik, iaitu Serbia, Bosnia-Herzegovina, Croatia, Slovenia, Macedonia dan Montenegro berpunca daripada konflik antara kaum yang membawa kepada perpecahan, peperangan, kematian dan kemusnahan.

Konflik ini memberi kesan mendalam kepada Bosnia-Herzegovina

na kerana berlaku pembersihan etnik, jenayah kemanusiaan dan pemerkosaan dan dianggarkan 130,000 rakyatnya terkorban.

Terkini di Minneapolis, Amerika Syarikat (AS), tindakan polis berkulit putih menggunakan kekerasan semasa menjalankan tugas menyebabkan George Floyd meninggal dunia membawa kepada bantahan, tunjuk perasaan dan rusuhan melalui gerakan Black Lives Matter yang menentang sikap perkauman, keganasan, penindasan dan menuntut keadilan sosial.

Justeru, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam memantapkan perpaduan agar tidak dirosakkan pihak tidak bertanggungjawab. Kerajaan boleh mempertimbangkan pendekatan seperti pendidikan, penguatkuasaan dan pencegahan.

Pendekatan pendidikan dan kempen secara berterusan diadakan bagi menekankan kepentingan perpaduan serta kesan perpecahan kepada negara.

Penetapan matlamat sama atau penyatuan matlamat dapat mewujudkan perpaduan erat dalam kalangan rakyat. Contohnya, dalam menangani COVID-19, rakyat berganding bahu memastikan negara selamat daripada pandemik ini.

Reformasi sistem pendidikan menekankan nilai bersama berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara dan Dasar Pendidikan Kebangsaan untuk diamalkan semua pelajar sekolah serta institut pengajian tinggi.

Sejarawan dan ahli antropologi menjelaskan sejarah yang betul dari segi asal-usul, tamadun bangsa dan pembinaan negara bangsa, mengadakan kajian menilai tahap perpaduan (contohnya tiga tahun sekali), menulis dan menerbitkan buku, artikel dan kertas kerja mengenai perpaduan, menganjurkan forum, seminar, bengkel, persidangan, simposium dan kolokium bagi membincangkan pendekatan memperkukuhkan lagi perpaduan.

Dalam konteks penguatkuasaan, kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang lebih tegas menggunakan Akta Hasutan 1948, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012, Kanun Keseksaan dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 terhadap pihak menjejaskan perpaduan. Kajian semula dan pindaan terhadap hukuman harus dilakukan bagi mengenakan hukuman lebih berat kepada pencetus ketegangan kaum.

Pada masa sama dalam aspek

pencegahan, polis perlu menimbang secara teliti sebelum meluluskan permohonan permit perhimpunan secara beramai-ramai menggunakan Akta Perhimpunan Aman 2012.

Pemimpin dan ahli parti politik perlu patriotik, jujur, ikhlas, tiada agenda tersembunyi, mengamalkan politik matang serta sentiasa mengutamakan perpaduan. Pemimpin parti politik hendaklah memberi amaran kepada ahli parti yang membangkitkan isu sensitif yang boleh menjejaskan perpaduan.

Pemimpin agama perlu mengingatkan dan memberi nasihat kepada penganut agama masing-masing supaya menghormati agama lain, sekali gus tidak memberi komen mengenai amalan penganut agama lain.

Media massa juga perlu membantu mempromosi kepentingan perpaduan dan risiko perlu ditanggung masyarakat jika berlaku perpecahan, selain bertanggungjawab melapor berita betul serta telus kepada rakyat.

Rakyat hendaklah berfikir matang dan menghargai perpaduan serta jangan mudah terpengaruh atau terpedaya dengan berita tidak benar dan provokasi yang boleh menjejaskan perpaduan.